Element yang terakhir adalah bunyi. Bunyi adalah suatu halangan yang semasa proses penyampaian informasi kepada penerima.

“Noise is anything that interferes with a message and keeps it from being understood and achieving its intended effect” Steven A. Beebe, Susan J. Beebe dan Mark V. Redmond (2011)

Terdapat beberapa element yang wajib dalam satu proses komunikasi. Menurut McQuail (1987) *in most if the earlier communication models, the communication process originates with a sender or a communicator*. Pernyataan ini menyatakan bahawa dalam sesebuah model komunikasi, proses komunikasi melibatkan penghantar ataupun penghubung.

In the real world, communication planners often consider themselves mass communicator. (Windahl, Signitzer and Olson, 1992)

Pernyataan ini bermaksud bahawa dalam dunia nyata, perancang komunikasi lebih dikenali sebagai perancang komunikasi media.

Many of the media and channels used by communication planner are of a mass communication type and the tools, theories, concepts and models that planner use spring from the study of mass communication. (Windahl, Signitzer and Olson, 1992)

Menurut pernyataan Windahl, Signitzer dan Olsan yang dipetik daripada buku *Using Communcation Theory*, terdapat dua pernyataan uuntuk menerangkan kenapa perancang komunikasi dikenali sebagai perancang komunikasi media massa, antaranya adalah kebanyakan media dan juga saluran yag digunakan oleh perancang komunikasi adalah media dan saluran adalah komunikasi media massa malahan peralatan, teori, konsep dan juga model yang digunakan adalah berdasarkan kajian komunikasi media massa.

Part III follows Harold Lasswell's (1948) formula: Who Say What in Which Channel to Whom with What Effect? We will ... theories dealing with: communicator and sender, the medium, the message, the receiver and the effect. (Windahl, Signitze dan Olson, 1992)

Melalui pernyataan ini terdapat empat element dalam komunikasi antaranya adalah penyampai dan penghantar, medium, mesej, penerima dan juga kesan.

Menurut Windahl, Signitzer dan Olson penyampai dan penghantar adalah *is the part of both communicative and community / administrative / organizational structures; factor on these two levels, separately or jointly will influence the sender's communicative work* (1992). Menurut pernyataan ini penyampai dan juga penghantar merupakan sebahagian daripada *communicative and community / administrative / organizational structures*, factor yang menyebabkan adalah perkara ini adalah perkara ini mempengaruhi proses penghantaran komunikasi.

Manakala mesej pula bermaksud *typically occupies the central position between sender and receiver*.

Pernyataan ini bermakna mesej bermaksud perantaraan antara penghantar dan penerima. Mesej merupakan maklumat yang disampaikan oleh penghantar dan diterima oleh penerima.

Medium pula bermaksud *the media as media or the media per set*. Pernyataan ini bermaksud bahawa medium merupakan media bagi proses komunikasi. Media merupakan salah satu saluran penyampaian mesej kepada penerima.

2.3 Peranan Komunikasi dalam Pengurusan Muzium

Menurut G. Edson dan D. Dean (1994) muzium merupakan sebahagian daripada tempat untuk menyebarkan maklumat dan ilmu pengetahuan kepada masyarakat terutamanya masyarakat sendiri. Pendapat ini sangat berguna kepada penyelidik dalam menerangkan bahawa muzium mempunyai peranan dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat luar terutamanya masyarakat sendiri. Setiap susunan dan juga program yang diadakan untuk menarik pengunjung adalah sangat penting dalam menarik perhatian pengunjung yang datang berkunjung ke muzium tersebut.

Selain itu menurut Bitgood S. *“exhibition has been in norm in communication the past to visitor. As museum being an education institution of information learning”*. (2002). Melalui pernyataan yang ditulis oleh Bitgood S, pameran di muzium merupakan salah satu norma dalam komunikasi dengan pengunjung yang datang berkunjung ke muzium. Ini disebabkan bahawa muzium merupakan salah satu tempat pendidikan pembelajaran secara tidak formal. Melalui pameran yang diadakan, komunikasi antara pekerja muzium sebagai contoh curator dengan pengunjung secara tidak langsung berlaku.

Menurut Alexander Chelum (2014), komunikasi yang berlaku antara muzium dengan pengunjung adalah komunikasi non – verbal iaitu melalui pameran. Menurut penerangan yang diberikan oleh Alexander Chelum dalam penulisannya, komunikasi yang berlaku dimuzium adalah komunikasi non – verbal iaitu menggunakan pameran sebagai medium utama. Ini disebabkan muzium merupakan salah satu tempat yang menyediakan pameran

untuk tatapan dan juga dengan memberikan maklumat kepada pengunjung yang datang berkunjung ke muzium sama ada melalui lawatan ataupun untuk sekadar berkunjung semata – mata.

Malahan menurut Alexander Chelum (2014) dalam penulisan tesis beliau, proses penerimaan maklumat yang oleh pengunjung yang datang berkunjung ke muzium adalah untuk mendapatkan maklumat. Ini menerangkan bahawa muzium merupakan salah satu tempat untuk mendapatkan maklumat yang berguna kepada pengunjung. Muzium merupakan salah satu institusi pendidikan tidak formal, maka penyampaian informasi maklumat adalah berbeza jika dibandingkan dengan institusi pendidikan formal seperti sekolah, kolej dan juga universiti. Di peringkat pendidikan secara formal, terdapat golongan professional yang memberikan maklumat dan menyampaikan informasi untuk tujuan pendidikan dan juga pembelajaran. Walau bagaimanapun, di muzium cara penyampaian maklumat adalah berbeza, ini disebabkan di sesebuah muzium terdapat seorang ataupun dua orang curator yang menjaga muzium tersebut. Keadaan ini menyebabkan pengunjung terpaksa berdikari untuk mendapatkan maklumat berdasarkan pameran yang disediakan di galeri pameran.

Manakala menurut Robert Hodge dan Wilfred D; Souza dalam buku yang bertajuk *The Museum as a Communicator: A Semiotic Analysis Of The Western Australia Gallery, Perth* menyatakan bahawa “*museum play role in communicating information of the past by indicating museum as “communicating of this living memory”. Museum exhibition are mainly comprises of two element, the display and exhibit*”. Pernyataan ini menerangkan bahawa muzium mempunyai peranan dalam menyampaikan maklumat masa lampau

dengan menunjukkan bahawa muzium “berkomunikasi dalam memori kehidupan”. Pameran muzium mempunyai dua unsur penting iaitu paparan dan pameran. Pernyataan ini menyatakan bahawa muzium merupakan salah satu alat untuk menyampaikan maklumat masa lampau dengan memegang peranan sebagai memori kehidupan. Pameran dan paparan yang terdapat dalam pameran muzium merupakan satu unsur penting dalam pameran muzium dalam menyampaikan maklumat.

Menurut Michael A. Fopp dalam buku penulisan beliau yang bertajuk *Managing Museums and Galleries* adalah penting bagi pengurus untuk menyampaikan idea ataupun pendapat dan pandangan malahan emosi dalam keadaan yang bersih ini disebabkan berkomunikasi merupakan salah satu cara untuk mendapatkan komunikasi yang berkesan. Pernyataan yang dikeluarkan oleh beliau menerangkan bahawa, melalui komunikasi yang berkesan seseorang pengurus dapat menyampaikan idea, emosi dan juga pandangan dan pendapat dalam keadaan yang teratur dan terkawal. Ini disebabkan dengan menggunakan komunikasi yang berkesan, pengurusan sesebuah muzium akan teratur.

Manakala menurut (Iulia-Onana Enasel, 2013) dalam penulisan beliau yang bertajuk *role of information in museum art communication process* beliau menyatakan bahawa muzium mempunyai peranan dalam mendidik masyarakat umum, maka memberi informasi dan fakta yang betul perlu walaupun tidak mudah untuk difahami dan informasi komersial dalam menarik perhatian pengunjung. Pernyataan ini boleh dilihat dalam petikan di bawah.

“The case of museum in general and art museums in particular is special due to their need to educate the public, hence transmit factual information, which is not easily

understandable, and commercial information in order to enhance the number of attracted visitors”.(Iulia-Onana Enasel, 2013)

Manakala menurut Lorena San Roman muzium perlu menawarkan maklumat yang diperlukan untuk mengetahui reality dan juga pandangan daripada mana – mana pihak dan mana – mana keadaan sehingga orang awam dapat membincangkan tema yang berpengetahuan. Kesemua ini adalah untuk kearah kebaikan dan keperluan untuk pembangunan demokrasi di seluruh dunia. Pernyataan ini di petik daripada buku *museums 2000 politics, people, professionals and profit* yang di petik daripada bab *politics and museums 1* yang ditulis oleh Lorena San Roman

“The museum must offer all the information needed to know the reality and points of view of any situation, so that with these tools people will be able to discuss theme knowledgeably. All of this, with a good direction, is necessary for the development of democracies all around the world” (Roman, 1992 p. 27)

Manakala menurut Paul Capriotti (2010) dalam penulisan beliau yang bertajuk *museums’ communication in small – and medium sized cities*, beliau mendapati bahawa muzium mempunyai pandangan sempit terhadap orang awam yang hanya memberi tumpuan pada dasarnya adalah pengunjung mereka dan menganggap bahawa mereka sudah biasa dengan menggunakan alatan komunikasi dan teknik walaupun dengan perspektif yang teknikal. Petikan tersebut boleh dilihat dibawah:

“The results show that museums have a narrow view of their publics, which is focused basically on their visitors, and that they are familiar with and use communication tools and techniques, although with a tactical perspective.”

“It is important for managers to convey ideas and feeling in the clearest possible terms ... communication is essential for effective management” (Fopp, 1997)

Malahan menurut Michael A. Fopp (1997) juga, komunikasi merupakan medium atau alatan untuk menyampaikan mesej kepada penerima.

Communication is a constantly rotating medium in which messages are transmitted and received and where the receiver is the transmitter and vice versa. (Fopp, 1997)

2.4 Profil Pengunjung Muzium

Menurut G.E Hooper (1993) dalam penulisan beliau, penunjung merupakan pelanggan dan merupakan punca utama wujudnya muzium. Pelawat secara amnya datang daripada kumpulan umur yang berbeza, latar belakang budaya dan juga pendidikan yang berbeza. Namun begitu, kandungan pameran, tema dan reka bentuk adalah sangat penting untuk dipadankan dengan latar belakang pengunjung. Petikan tersebut boleh dilihat di bawah:

“In the museum context, visitors are the clients and it is the main reason of museum existence. Visitors’ are generally varies from different age group, cultural and educational background. Nonetheless, exhibition context, them and design are essential to match with visitor’s background.” (G.E Hooper (1993))

Manakala menurut B. Kim (2008) pula, terdapat beberapa factor yang perlu direka dalam menjangka bahan taksiran termasuk umur penonton, keutamaan membaca, kemampuan bahasa, maksud bahan sama ada ia digunakan untuk rujukan ataupun untuk bahan bacaan, tahap pembacaan dan aspek – aspek organisasi.

“There are several factors designers will need to anticipate in designing interpretive material including age of viewer, reading presence, language ability, the purpose of the material whether it is used for references or read only once, level of readability and organization aspects” (B. Kim, 2008)

Melalui kajian yang dijalankan oleh G. E Hopper dan B. Kim didapati bahawa penting bagi sesebuah muzium profil pelawat yang datang melawat ke muzium tersebut. Ini disebabkan sekiranya pameran diadakan namun tiada pelawat, pameran tersebut tidak berlangsung dengan jayanya. Sekiranya pihak pengurusan muzium mengetahui siapa pelawat yang datang mengunjung ke muzium, maka pemilihan untuk cara ataupun peralatan yang digunakan sebagai medium dalam penyampaian maklumat adalah penting bagi memastikan maklumat yang disampaikan tersebut berkesan. Kajian mereka amat penting dalam penyelidikan pengkaji ini disebabkan tajuk pengkaji adalah berkaitan dengan infomasi maklumat muzium. Melalui kajian dan penyelidikan mereka ini, pengkaji dapat mengkaji peralatan ataupun cara yang digunakan oleh pihak pengurusan muzium dalam menyampaikan maklumat kepada pelawat yang datang melawat ke muzium.

Manakala menurut S. Bitgood (1991) dalam penulisan beliau menyatakan bahawa mengetahui penonton adalah aspek utama yang perlu diambi berat. Aspek utama dalam menghasilkan penyampaian maklumat yang berkesan adalah memahami tahap pemahaman pembaca seperti yang ditekankan oleh S. Bitgood (1991) sebagai had ataupun limitasi kognitif. Pernyataan ini termasuk dengan penggunaan istilah ataupun pembendarahaan yang akan digunakan di dalam kandungan bertulis. Penggunaan istilah ataupun perkataan yang kompleks ataupun saintifik hanya akan menguntungkan pihak yang terbabit dalam bidang tersebut. Keadaan ini akan menyukarkan pembaca umum untuk memahami maklumat ataupun isi kandungnan yang terdapat dalam penulisan tersebut. Dalam kebanyakan kes, pengunjung akan ditakut – takutkan oleh faktor ini yang

akhirnya menyebabkan pengunjung ataupun pembaca menghadkan diri mereka untuk membaca taksiran tersebut. Keadaan ini akhirnya akan menyebabkan halangan wujud antara pengunjung dengan pihak muzium. Pernyataan ini boleh dilihat di bawah:

“Knowing the audience is the first aspect, the key of producing effective information delivery is to understand readers’ comprehension level as cognitive limitation. This includes considering of terminology or vocabulary to be used in content writing. Usage of complex terminology are only benefiting to experts of that area whereas half general readers’ in understanding the presented information. In many cases, visitors are intimidated by this factor thus limit themselves from reading the interpretive material. Consequently, barriers are created between museum exhibits and visitors.” (S. Bitgood, 1991)

Manakala G. Edson & D. Dean (1994) pula mencadangkan kandungan yang baik dan bagus mesti mencapai kriteria yang tertentu termasuk kandungan yang mudah dibaca, menyampaikan mesj utama, dapat menarik perhatian ramai.

Malahan menurut B. Kim (2008) keberkesanan media dalam menyampaikan maklumat taksiran sesuatu objek adalah dengan meletakkan tiga aspek utama iaitu kandungan, focus, dan focus reka bentuk untuk mencapai pengguna berpusat.

Manakala bagi Alexander Chelum (2014) pula menyatakan bahawa adalah sangat penting bagi pihak muzium untuk mengetahui penonton mahupun pelawat yang datang berkunjung ke muzium tersebut. Hal ini kerana pengunjung ataupun penonton merupakan kunci dalam

membantu sesebuah muzium dalam mempertingkatkan lagi penyampaian maklumat kepada pelawat.

2.5 Rumusan

Sebagai rumusan, dalam bab ini pengkaji telah membincangkan sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan penyelidikan pengkaji. Malahan dalam bab ini, pengkaji telah mengaitkan teori – teori dan pendapat penulis dan juga pengkaji lepas. Melalui teori – teori tersebut, pengkaji dapat mengaitkan kajian pengkaji dan mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian pengkaji. Dalam bab seterusnya, pengkaji akan membincangkan methodology kajian yang digunakan oleh pengkaji.

BAB 3: METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab 3 ini, pengkaji akan menerangkan keadah kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam penyelidikan kali ini. Pengkaji akan menggunakan keadah campuran iaitu dengan menggunakan keadah kuantitatif dan keadah kualitatif. Keadah kuantitatif adalah keadah mengedarkan borang soal selidik kepada pengunjung yang datang berkunjung ke muzium wanita Sarawak dan juga kepada pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam mengkaji persepsi ataupun pandangan generasi muda terhadap Muzium Seni Sarawak. Selain menggunakan kaedah kuantitatif, pengkaji juga akan menggunakan keadah kualitatif iaitu keadah temu bual dengan pihak pengurusan muzium untuk mendapatkan dengan lebih lanjut berkenaan dengan muzium seni Sarawak. Selain itu juga, pengkaji juga akan membuat pemerhatian terhadap pengunjung yang datang berkunjung ke muzium seni Sarawak.

Dalam bab ini juga, pengkaji akan menerangkan keadah pengumpulan data dan maklumat melalui sumber primer dan sumber skunder. Melalui kedua – dua sumber ini, pengkaji dapat mengumpul maklumat yang sahih daripada kedua – dua sumber tersebut.

Selain itu juga, melalui bab ini pengkaji akan menerangkan dengan lebih lanjut lagi skop kajian pengkaji iaitu tempat kajian dilakukan. Dalam kajian ini, pengkaji telah menjadikan muzium Sarawak sebagai tempat utama kajian ini selain daripada muzium Seni Sarawak yang merupakan tempat penyelidikan dijalankan.

3.2 Lokasi Kajian

Lokasi kajian yang akan dijalankan ini adalah di sekitar Bandaraya Kuching dan juga di sekitar Kota Samarahan. Lokasi utama kajian ini adalah di Muzium Seni Sarawak dan juga Jabatan Muzium Sarawak. Muzium Seni merupakan salah sebuah muzium yang terdapat di Sarawak dan merupakan muzium yang dibawah pengurusan Jabatan Muzium Sarawak. Pengkaji menjadikan kedua – dua lokasi ini sebagai lokasi kajian utama kerana tajuk penyelidikan pengkaji adalah berkait rapat dengan pengurusan dan peranan muzium Seni Sarawak.

Selain itu juga, pengkaji menjadikan Pustaka Negeri Sarawak dan Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) Unimas. Pengkaji menjadikan kedua – dua tempat ini sebagai lokasi kajian disebabkan pengkaji meluangkan masa di lokasi ini untuk mendapatkan data daripada sumber skunder. Kedua – dua lokasi ini menyediakan sumber skunder yang diperlukan oleh pengkaji dalam penyelidikan ini. Data sumber skunder yang terdapat di Pustaka Negeri dan PKMA merupakan data yang dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang sahih dan tepat.

Seterusnya, pengkaji menjadikan UNIMAS sebagai lokasi penyelidikan disebabkan pengkaji akan mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Pengkaji menjadikan unimas sebagai tempat pengedaran borang soal selidik disebabkan pengkaji ini mendapatkan data daripada penuntut UNIMAS berkenaan dengan pandangan mereka terhadap penubuhan muzium wanita sarawak. Selain itu juga, UNIMAS merupakan

dimana semua kaum yang terdapat di Malaysia berkumpul di tempat yang sama. Dengan ini, pengkaji dapat maklumat yang pelbagai daripada pelbagai kaum.

3.3 Sumber Data

Sumber data yang digunakan oleh pengkaji adalah sumber data primer dan sumber data sekunder. Data primer adalah data yang diperolehi melalui keadah kualitatif iaitu melalui keadah pemerhatian dan keadah temu bual dengan pihak pengurusan muzium seni Sarawak dan juga pihak pengurusan muzium negeri Sarawak. Manakala sumber data sekunder pula adalah melalui keadah pembacaan buku, artikel dan juga thesis yang sebelum ini.

3.3.1 Data Primer

Pengkaji akan menggunakan satu kaedah sahaja dalam penyelidikan ini iaitu kaedah kuantitatif iaitu kaedah pengedaran borang soal selidik. Melalui keadah pengedaran borang soal selidik, pengkaji akan menyediakan borang soal selidik terlebih dahulu sebelum mengedarkan borang soal selidik. Melalui borang soal selidik tersebut pengkaji akan menyediakan suatu ruangan yang perlu dijawab oleh responden.

Melalui keadah pemerhatian pula, pengkaji akan meluangkan masa di tempat kajian iaitu di muzium Seni Sarawak demi untuk memerhatikan tingkah laku setiap pengunjung yang

datang berkunjung ke muzium Seni sama ada melalui lawatan yang diadakan oleh pihak sekolah mahupun hanya untuk melawat ke muzium tersebut.

3.3.2 Data sekunder

Data skunder merupakan data yang diperolehi melalui buku, artikel, jurnal dan juga thesis. Data ini sangat berguna kepada penyelidik untuk mendapatkan maklumat sokongan yang mampu menyokong tajuk penyelidikan ini. Penyelidik akan menjadikan buku sebagai maklumat utama selain daripada artikel dan juga jurnal yang boleh didapati melalui laman internet.

3.4 Kaedah analisis data.

Pengkaji akan menggunakan keadah kuantitatif untuk menganalisis data. Pengkaji akan menggunakan keadaan kualitatif dengan mengedarkan borang soal selidik kepada responden yang terdiri daripada pelajar UNIMAS dan juga para pengunjung yang datang berkunjung ke Muzium Seni Sarawak. Borang soal selidik akan disediakan oleh penyelidik sendiri dengan merujuk kepada supervisor penyelidik berkenaan dengan soal yang akan dikemukakan di dalam borang soal selidik tersebut.

3.5 Instrument Kajian

Instrument kajian merupakan peralatan yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan ini.

Instrument yang pertama adalah borang soal selidik. Borang soal selidik yang digunakan oleh pengkaji mengandungi soalan – soalan yang berkaitan dengan objektif kajian pengkaji. Borang soal selidik ini akan diedarkan kepada 200 orang responden yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

Instrument yang seterusnya adalah peralatan tulis dan laptop. Peralatan tulis dan laptop akan digunakan untuk mencatat data yang diperolehi melalui kaedah pengedaran borang soal selidik kepada 200 orang responden.

Instrument yang seterusnya adalah perisian *Stastical Product and Service Solution* (SPSS). Perisian SPSS yang digunakan di dalam computer untuk memudahkan penyelidik untuk menganalisis data kuantitatif. Penggunaan SPSS ini bertujuan untuk mendapatkan data yang lebih pantas dan tepat dalam menganalisis data yang diperolehi melalui pengedaran borang selidik.

3.6 Limitasi Kajian

Terdapat beberapa limitasi kajian dalam penyelidikan ini. Antaranya adalah kajian hanya melibatkan muzium di Kuching sahaja dan tidak menyeluruh di Sarawak. Kajian ini hanya dilakukan di Muzium Seni Sarawak dibawah pengurusan Jabatan Muzium Sarawak yang terletak di Bandar Raya Kuching Sarawak. Keadaan ini hanyalah melibatkan penglibatan masyarakat yang menetap dan tinggal di Kuching sahaja dan tidak meluas ke seluruh negeri Sarawak.

Limitasi kajian seterusnya adalah kekurangkan kepekaan masyarakat terhadap peranan muzium Seni. Muzium Seni telah dibukakan kepada orang ramai pada tahun 2006. Walaupun muzium Seni ini telah dibukakan kepada orang ramai pada tahun 2006, namun peranan dan juga fungsi muzium seni tidak didedahkan dengan lebih jelas lagi.

3.7 Populasi kajian

Pengkaji akan melibatkan sebanyak 200 responden daripada pelbagai lapisan masyarakat dan juga umur untuk menjawab borang soal selidik yang penyelidik edarkan kepada mereka. Pihak responden ini akan menjawab persoalan yang telah disediakan oleh penyelidik didalam borang soal selidik tersebut. Selain daripada melibatkan responden yang terdiri daripada pelajar niunimas, pengkaji juga akan melibatkan pengunjung muzium Sei Sarawak. Pengkaji ingin mengetahui tahap pengetahuan mereka terhadap peranan dan juga fungsi muzium Seni Sarawak ini.

3.8 Rumusan

Sebagai rumusan, dalam bab 3, penyelidik menerangkan dengan lebih mendalam lagi berkenaan dengan methodology kajian penyelidik. Melalui bab ini, penyelidik akan lebih memahami cara – cara dan juga keadaan yang digunakan dalam melaksanakan penyelidikakaji ini. Malahan melalui bab ini, penyelidik juga menerangkan populasi yang terlibat dalam kajian ini, penyelidik juga memberi penerangan berkenaan dengan terhadap limitasi kajian dan juga lokasi kajian yang akan diadakan.

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan


Dalam bab ini penyelidik akan menunjukkan analisis dan dapatan kajian yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik kepada 200 orang responden. Kaedah yang digunakan oleh penyelidik adalah kaedah kuantitatif untuk mengumpul dan menganalisis data. Sebanyak 200 set borang soal selidik diedarkan kepada 200 orang responden di sekitar UNIMAS dan pengkaji dapat mengumpul sebanyak 200 set daripada responden pengkaji.

4.2 DEMOGRAFI RESPONDEN

Dalam kontek demografi responden, pengkaji menfokuskan responden yang terdiri dari pelbagai lapisan masyarakat. Sebagai contoh terdiri daripada pelbagai lapisan umur, jantina, pelbagai jenis pekerjaan dan tahap pendidikan.

	Kekerapan	Peratusan %
Lelaki	57	28.5
Perempuan	143	71.5
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.1 Jantina Responden.




Carta Pie 4.1 Peratusan responden mengikut jantina

Maklumat dan data statistical ini menunjukkan bahawa sebanyak 71.5% ataupun sebanyak 143 orang responden adalah perempuan, manakala sebanyak 28.5% ataupun 57 orang daripada 200 orang responden merupakan lelaki.

Umur	Kekerapan	Peratus %
20 dan kebawah	5	2.5
21 - 30	159	79.5
31 - 40	23	11.5
41 - 50	5	2.5
51 - 60	8	4.0
Jumlah Responden	200	100.0

Jadual 4.2 Umur Responden




Graf Bar 4.1 Menunjukkan jumlah responden mengikut umur

Graf bar 4.1 dan jadual 4.2 menunjukkan data dan statistical dalam kontek demografi yang berkaitan dengan aspek umur. Sebanyak 159 orang responden ataupun sebanyak 79.5% adalah responden yang berusia 21 – 30 tahun iaitu jumlah responden yang teramai menjawab borang soal selidik yang diedarkan oleh responden. Manakala sebanyak sebanyak 23 orang ataupun sebanyak 11.5% pula adalah responden yang berusia dalam lingkungan 31 – 40 tahun. Responden yang berusia 20 tahun dan kebawah dan juga responden yang berusia dalam lingkungan 41 – 50 tahun masing – masing mencatatkan sebanyak 5 orang daripada 200 orang responden ataupun sebanyak 2.5 % orang responden. Manakala sebanyak 8 orang atau 4.0 % adalah responden yang berusia dalam lingkungan 51 – 60 tahun.

Bangsa	Kekerapan	Peratusan
Melayu	96	48.0
Cina	34	17.0
India	13	6.5
Lain - lain	57	28.5
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.3 Kaum Responden



Carta pie 4.2 menunjukkan responden mengikut aspek kaum

Berdasarkan data dan maklumat stastitikal dalam carta pie 4.2 menunjukkan bahawa sebanyak 48% daripada 200 orang responden iaitu sebanyak 96 orang responden adalah berbangsa melayu. Manakala sebanyak 17% daripada 200 orang responden pula adalah terdiri daripada kaum Cina. Selain itu juga, sebanyak 6.5% ataupun sebanyak 13 orang responden pula terdiri daripada kaum India. Sebanyak 28.5% pula terdiri daripada kaum lain – lain. Kaum lain – lain pula terdiri daripada kaum bumiputera Sabah dan Sarawak sebagai contoh kaum Iban, bidayuh, kadazandusun dan lain – lain.


Kaum lain - lain	Kekerapan	Peratusan %
	143	71.5
bajau	1	.5
bidayuh	5	2.5
bisaya	2	1.0
bugis	1	.5
dusun	2	1.0
iban	30	15.0
kadazandusun	2	1.0
kayan	2	1.0
kedayan	1	.5
kelabit	2	1.0
kenyah	3	1.5
lunbawang	1	.5
melanau	4	2.0
murut	1	.5

Total	200	100.0
-------	-----	-------

Jadual 4.4 Kaum lain - lain

Tahap Pendidikan	Kekerapan	Peratusan %
SPM	23	11.5
STPM	37	18.5
Diploma	15	7.5
Ijazah Sarjana Muda	125	62.5
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.5 Jumlah dan peratusan responden mengikut tahap pendidikan




Graf Bar 4.2 Menunjukkan jumlah responden mengikut aspek tahap pendidikan

Berdasarkan data dan maklumat statistik yang ditunjukkan Graf Bar 4.2 dan jadual 4.5 menunjukkan jumlah dan peratusan responden berdasarkan tahap pendidikan. Melalui Graf Bar 4.2 sebanyak 23 orang responden menyatakan bahawa tahap pendidikan mereka adalah SPM. Manakala sebanyak 37 orang atau sebanyak 18.5 % pula adalah terdiri daripada lulusan STPM. Sebanyak 15 orang pula menyatakan bahawa tahap pendidikan mereka adalah Diploma dan sebanyak 125 orang responden daripada 200 orang responden atau 62.5% pula adalah pelajar atau lulusan Ijazah Sarjana Muda.

Jenis Pekerjaan	Kekerapan	Peratusan
Pelajar	141	70.5
Pekerja kerajaan	18	9.0
Bekerja sendiri	16	8.0
Pekerja swasta	25	12.5
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.6 menunjukkan jumlah dan peratusan responden mengikut aspek jenis pekerjaan



Carta Pie 4.3 Menunjukkan peratusan responden mengikut aspek jenis pekerjaan.

Jadual 4.6 menunjukkan jumlah dan peratusan responden mengikut aspek jenis pekerjaan. manakala Carta pie 4.3 pula menunjukkan peratusan jumlah responden mengikut jenis pekerjaan. Berdasarkan data dan maklumat stastitikal menunjukkan sebanyak 70.5% ataupun sebanyak 141 merupakan pelajar. Ini disebabkan penyelidik mengedarkan borang soal selidik di UNIMAS. Manakala sebanyak 12.5% (25 orang daripada 200 orang responden) pula adalah pekerja swasta. Manakala sebanyak 8% pula adalah bekerja sendiri. Dan selebih 9% pula adalah pekerja kerajaan.

4.3 Mengenalpasti pandangan dan pendapat pengunjung berkenaan dengan peranan sesebuah muzium.

Pandangan dan pendapat masyarakat luar terutamanya pengunjung yang datang berkunjung ke muzium adalah sangat penting bagi menentukan tahap kefahaman masyarakat tersebut berkaitan dengan peranan sesebuah muzium. Malahan kedatangan pengunjung yang datang berkunjung ke muzium juga menentukan kejayaan pameran yang diadakan disesebuah muzium.

4.3.1 Adakah anda pernah pergi muzium

Perkara	Kekerapan	Peratusan %
Ya	190	95.0
Tidak	10	5.0
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.7 menunjukkan peratusan dan jumlah responden yang pernah pergi ke muzium.

.




Carta Pie 4.4 Menunjukkan peratusan responden yang pernah pergi ke muzium

Berdasarkan carta pie 4.4 sebanyak 95% daripada 200 orang responden pernah pergi ke muzium manakala sebanyak 5% pula menyatakan mereka tidak pernah pergi ke muzium.

4.3.2 Lawatan Sambil Belajar

	Kekerapan	Peratusan %
Ya	105	52.5
Tidak	95	47.5
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.8 menunjukkan jumlah dan peratusan lawatan sambil belajar merupakan salah satu sebab pergi ke muzium



Carta Pie 4.5 menunjukkan peratusan responden berdasarkan aspek lawatan sambil belajar.

Carta data yang di tunjukkan di dalam jadual 4.8 dan carta pie 4.5 data yang diperolehi menunjukkan bahawa seramai 52.50% ataupun sebanyak 105 orang responden menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium atas sebab lawatan sambil belajar. Manakala sebanyak 47.50% pula menyatakan mereka pergi ke muzium bukan sebab lawatan sambil belajar.

Jantina * lawatan sambil belajar *Crosstabulation*

	lawatan sambil belajar		Jumlah
	Ya	Tidak	
Lelaki	32	25	57
Perempuan	73	70	143
Jumlah	105	95	200


Jadual 4.9 Menunjukkan *crosstabulation* berdasarkan aspek jantina ke atas lawatan sambil belajar.

Berdasarkan jadual4.9, data yang diperolehi menunjukkan seramai 32 orang responden lelaki menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium atas sebab lawatan sambil belajar. Manakala sebanyak 25 daripada 57 orang responden lelaki pula menyatakan bahawa mereka pernah pergi ke muzium namun atas sebab yang lain. Manakala sebanyak 143 orang responden pula adalah perempuan. Sebanyak 73 orang responden daripada 143 orang responden perempuan menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium atas lawatan sambil belajar. Manakala sebanyak 70 orang responden perempuan pula menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium atas sebab – sebab yang lain.

umur * lawatan sambil belajar *Crosstabulation*

	Lawatan sambil belajar		Jumlah
	Ya	Tidak	
20 dan kebawah	2	3	5
21 - 30	86	73	159
31 - 40	12	11	23
41 - 50	2	3	5
51 - 60	3	5	8
Jumlah	105	95	200

Jadual 4.10 Menunjukkan *crosstabulation* berdasarkan aspek umur ke atas lawatan sambil belajar.



Graf Bar 4.3 menunjukkan taburan silang berdasarkan aspek umur ke atas lawatan sambil belajar.


Berdasarkan graf bar 4.3 dan jadual 4.10 data yang diperolehi menunjukkan bahawa sebanyak 86 orang responden yang berusia antara 21 – 30 tahun menyatakan mereka pergi ke muzium atas sebab lawatan sambil belajar. Jumlah ini merupakan angka tertinggi dalam aspek umur. Manakala sebanyak 12 orang daripada 23 orang responden yang berusia 31 – 40 tahun menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium melalui lawatan sambil belajar. Di samping itu, untuk responden yang berusia 20 tahun ke bawah dan 41 – 50 tahun, masing – masing mencatatkan sebanyak 2 orang responden daripada 5 orang responden menyatakan mereka pergi ke muzium atas sebab lawatan sambil belajar. Manakala untuk golongan yang berusia 51 – 60 tahun, hanya 3 orang sahaja mereka pergi ke muzium dengan menyertai lawatan sambil belajar. Manakla, sebanyak 3 orang daripada

5 orang responden yang berusia 20 tahun ke bawah, menyatakan bahawa mereka tidak pernah pergi ke muzium dengan menyertai lawatan sambil belajar. Di samping itu juga, 73 orang daripada 159 orang responden yang berusia 21 – 30 tahun menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium mempunyai tujuan yang lain selain daripada menyertai lawatan sambil belajar. Sebanyak 11 orang responden yang berusia 31 – 40 tahun menyatakan mereka tidak pernah menyertai lawatan sambil belajar ke muzium. Di samping itu, sebanyak 3 orang daripada 5 orang responden yang berusia 41 – 50 tahun pula menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium atas sebab yang lain selain daripada lawatan sambil belajar. Manakala untuk golongan responden yang berusia 51 – 60 tahun, sebanyak 5 orang daripada 8 orang responden menyatakan mereka tidak menyertai lawatan sambil belajar ke muzium.

bangsa * lawatan sambil belajar Crosstabulation

	Lawatan sambil belajar		Jumlah
	ya	tidak	
Melayu	52	44	96
Cina	17	17	34
India	8	5	13
Lain - lain	28	29	57
Jumlah	105	95	200

Jadual 4.11 Taburan Silang lawatan sambil belajar berdasarkan aspek bangsa.



Graf Bar 4.4 Menunjukkan taburan silang lawatan sambil belajar berdasarkan aspek bangsa.


Berdasarkan data yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik sebanyak 200 orang responden yang terdiri daripada pelbagai lapisan kaum, sebanyak 52 orang responden kaum melayu menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium dengan menyertai lawatan sambil belajar. Manakala sebanyak 44 orang responden kaum melayu pula menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium kerana mempunyai tujuan yang lain – lain. Manakala sebanyak 34 orang responden merupakan kaum Cina, daripada 34 orang tersebut, sebanyak 17 orang responden menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium dengan menyertai lawatan sambil belajar, manakala sebanyak 17 orang responden pula menjawab yang sebaliknya. Manakala sebanyak 13 orang daripada 200 orang responden penyelidik pula berbangsa India. Melalui data yang diperolehi, sebanyak 8 orang

responden India menyatakan bahawa mereka pernah menyertai lawatan sambil belajar ke muzium, manakala sebanyak 5 orang responden pula menyatakan bahawa mereka tidak pernah menyertai lawatan sambil belajar ke muzium. Manakala baki sebanyak 57 orang daripada 200 responden pula adalah kaum lain – lain. Sebagai contoh, kaum Iban, Kadazandusun, Kayan dan lain – lain lagi yang merupakan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak. Sebanyak 28 orang responden menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium melalui program lawatan sambil belajar, manakala yang selebihnya iaitu sebanyak 29 orang responden pula menyatakan bahawa mereka tidak pernah menyertai lawatan sambil belajar ke muzium.

tahap pendidikan * lawatan sambil belajar Crosstabulation

		Lawatan sambil belajar		Jumlah
		Ya	Tidak	
Tahap Pendidikan	SPM	8	15	23
	STPM	26	11	37
	Diploma	8	7	15
	Ijazah Sarjana Muda	63	62	125
	Jumlah	105	95	200

Jadual 4.12 menunjukkan taburan silang lawatan sambil belajar berdasarkan aspek tahap pendidikan.



Graf Bar 4.5 menunjukkan taburan silang lawatan sambil belajar berdasarkan aspek tahap pendidikan.


Berdasarkan data dan maklumat stastitikal yang diperolehi melalui borang soal selidik yang telah diisi sebanyak 200 responden yang terdiri daripada pelbagai tahap pendidikan, sebanyak 23 orang responden merupakan lepasan Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) ataupun merupakan pelajar tingkatan 5 yang bakal menduduki peperiksaan SPM. Melalui data yang diperolehi, sebanyak 8 orang responden daripada 23 orang responden lepasan SPM atau bakal menduduki SPM menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium dengan menyertai lawatan sambil belajar ke muzium, manakala jumlah yang selebihnya, iaitu sebanyak 15 orang pula, menyatakan tidak pernah menyertai lawatan sambil belajar ke muzium. Manakala, sebanyak 37 orang responden pula menyatakan bahawa tahap pendidikan mereka adalah Sijil Tinggi Pendidikan Malaysia (STPM), daripada jumlah ini,

sebanyak 26 orang responden menyatakan bahawa mereka pernah pergi ke muzium dengan menyertai lawatan sambil belajar ke muzium, manakala jumlah selebihnya iaitu sebanyak 11 orang pula menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium atas tujuan lain ataupun tidak pernah menyertai lawatan sambil belajar ke muzium. Manakala sebanyak 15 orang daripada 200 orang responden pula merupakan graduan Diploma atau sedang mengambil Diploma. Sebanyak 8 daripada 15 orang yang tahap pendidikan Diploma menyatakan bahawa mereka pernah atau pergi ke muzium dengan menyertai lawatan sambil belajar, manakala sebanyak 7 orang lagi menyatakan bahawa mereka mempunyai sebab – sebab lain atau tidak pernah menyertai lawatan sambil belajar ke muzium. Sebanyak 125 orang daripada 200 orang responden merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda ataupun merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda. Daripada 125 orang, sebanyak 63 orang menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium sebab menyertai lawatan sambil belajar ke muzium. Manakala sebanyak 62 orang pula menyatakan bahawa mereka tidak pernah menyertai lawatan sambil belajar ke muzium.

pekerjaan * lawatan sambil belajar Crosstabulation

	Lawatan sambil belajar		Total	
	Ya	Tidak		
Pelajar	75	66	141	
Pekerjaan	Pekerja kerajaan	9	9	18
	Bekerja sendiri	5	11	16
	Pekerja swasta	16	9	25
	Jumlah	105	95	200

Jadual 4.13 menunjukkan taburan silang antara tahap pekerjaan dengan lawatan sambil belajar.



Graf Bar 4.6 menunjukkan taburan silang lawatan sambil belajar berdasarkan aspek tahap pekerjaan.


Berdasarkan data dan maklumat statistik yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik kepada 200 orang responden yang mempunyai perbezaan tahap pekerjaan, maklumat yang diperolehi dapat dilihat berdasarkan jadual 4.13 dan graf bar 4.6. Berdasarkan graf bar 4.6, sebanyak 141 orang daripada 200 orang responden merupakan pelajar. Ini disebabkan penyelidik lebih menfokuskan pengedaran borang soal selidik kepada para pelajar. Daripada 141 orang pelajar, sebanyak 75 orang responden menyatakan bahawa mereka pernah pergi ke muzium dengan menyertai lawatan sambil belajar, manakala sebanyak 66 orang responden pula menyatakan bahawa mereka tidak pernah menyertai lawatan sambil belajar ke muzium. Ini mungkin disebabkan, sekolah mereka ataupun tempat pendidikan mereka tidak pernah mengadakan program lawatan sambil belajar ataupun mereka tidak berminat menyertai aktiviti seperti lawatan sambil belajar ke muzium. Manakala sebanyak 18 orang pula merupakan kakitangan kerajaan ataupun pekerja kerajaan. Sebanyak 9 orang menyatakan bahawa mereka pernah

menyertai program lawatan sambil belajar ke muzium, manakala 9 lagi orang responden menyatakan yang sebaliknya, iaitu tidak pernah pergi ke muzium dengan menyertai program lawatan sambil belajar tetap atas sebab – sebab yang lain. Sebanyak 16 orang responden pula bekerja sendiri. Daripada 16 orang responden, hanya 5 orang sahaja pernah pergi ke muzium dengan menyertai lawatan sambil belajar, manakala 11 orang pula tidak pernah menyertai program lawatan sambil belajar. Daripada 200 orang responden, sebanyak 25 orang merupakan pekerja swasta. Daripada 25 orang responden yang merupakan pekerja swasta, sebanyak 16 orang responden menyatakan bahawa mereka pernah pergi ke muzium dengan menyertai lawatan sambil belajar, manakala sebanyak 9 orang lagi menyatakan bahawa mereka tidak pernah pergi ke muzium kerana menyertai lawatan sambil belajar, namun pergi ke muzium dengan tujuan lain.

4.3.3 Pergi ke muzium atas sebab minat

	Kekerapan	Peratusan %
Ya	28	14.0
Tidak	172	86.0
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.14 menunjukkan jumlah dan peratusan responden yang pergi ke muzium kerana minat.




Carta Pie 4.6 menunjukkan peratusan responden berdasarkan minat untuk pergi ke muzium.

Berdasarkan carta pie dan jadual di atas, data dan maklumat stastitikal menunjukkan sebanyak 28 orang daripada 200 orang responden iaitu sebanyak 14% menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium kerana minat. Manakala sebanyak 86% atau sebanyak 172 orang responden menyatakan mereka pergi ke muzium kerana tujuan lain.

Jantina * minat Crosstabulation

	Minat		Jumlah
	Ya	Tidak	
Lelaki	11	46	57
Jantina Perempuan	17	126	143
Jumlah	28	172	200

Jadual 4.15 menunjukkan taburan silang minat berdasarkan aspek demografi jantina.



Graf Bar 4.7
menunjukkan
taburan silang minat
berdasarkan aspek
demografi jantina.


Berdasarkan jadual 4.15 dan graf bar 4.7 diatas, menunjukkan taburan silang minat ke atas aspek jantina. Melalui data yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik, sebanyak 143 orang responden adalah perempuan, daripada 143 orang responden tersebut 17 orang responden menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium kerana minat. Manakala selebihnya iaitu sebanyak 126 orang pula menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium kerana tujuan lain iaitu bukan kerana minat. Manakala daripada 200 orang responden, sebanyak 57 orang responden adalah lelaki. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 11 orang menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium disebabkan minat, manakala yang selebihnya menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium kerana tujuan yang lain selain daripada minat. Melalui data yang diperolehi, data di simpulkan bahawa majority responden menyatakan bahawa mereka tidak berminat untuk pergi ke muzium dan hanya pergi ke muzium atas tujuan yang tertentu. Ini mungkin disebabkan mereka tidak minat atau menganggap muzium adalah sebuah tempat yang membosankan.

umur * minat Crosstabulation

	Minat		Jumlah
	Ya	Tidak	
20 dan kebawah	0	5	5
21 - 30	23	136	159
31 - 40	3	20	23
41 - 50	1	4	5
51 - 60	1	7	8
Jumlah	28	172	200

Jadual 4.16 menunjukkan taburan silang minat ke atas aspek demografi umur.

Taburan silang minat berdasarkan aspek demografi umur.



Graf Bar 4.8 menunjukkan taburan silang minat berdasarkan aspek demografi umur.


Berdasarkan maklumat daripada jadual 4.16 dan graf bar 4.8, menunjukkan taburan silang minat ke atas aspek umur. Melalui graf 4.8, sebanyak 5 orang responden terdiri daripada golongan yang berumur 20 tahun dan ke bawah, menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium bukan kerana minat, iaitu mereka tidak mempunyai minat untuk pergi ke muzium. Manakala, sebanyak 159 orang responden pula terdiri daripada golongan yang berusia 21 – 30 tahun. Sebanyak 23 orang responden menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium kerana minat. Manakala yang selebihnya iaitu sebanyak 136 orang, menyatakan yang sebaliknya iaitu tidak berminat untuk pergi ke muzium. Daripada 200 orang responden yang mengisi borang soal selidik yang diedarkan oleh penyelidik, sebanyak 23 orang responden berusia 31 – 40 tahun. Daripada jumlah ini, hanya 3 orang sahaja menyatakan mereka pergi ke muzium kerana minat, namun sebanyak 20 orang pula

menyatakan bahawa mereka tidak berminat untuk pergi ke muzium. Untuk golongan yang berusia 41 – 50 tahun, hanya seorang sahaja daripada 5 orang responden yang mengisi borang soal selidik menyatakan bahawa beliau pergi ke muzium kerana minat, manakala sebanyak 4 orang pula menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium kerana tujuan lain dan bukan kerana minat. Ini mungkin disebabkan bahawa, golongan ini sudah berusia dan sudah berkerjaya, mereka pergi ke muzium disebabkan untuk mengenali adat dan budaya sesebuah tempat ataupun hanya untuk pergi bersiar – siar bersama keluarga. Manakala sebanyak 8 orang daripada 200 orang responden pula terdiri daripada golongan yang berusia 51 – 60 tahun, dan hanya seorang sahaja yang menyatakan beliau pergi ke muzium kerana minat, manakala yang selebihnya iaitu 7 orang responden pula menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium kerana tujuan lain.

tahap pendidikan * minat Crosstabulation

		Minat		Jumlah
		Ya	Tidak	
Tahap Pendidikan	SPM	3	20	23
	STPM	7	30	37
	Diploma	1	14	15
	Ijazah Sarjana Muda	17	108	125
	Jumlah	28	172	200

Jadual 4.17 menunjukkan taburan silang minat ke atas aspek demografi tahap pendidikan.



Graf Bar 4.9 menunjukkan taburan silang minat berdasarkan aspek demografi tahap pendidikan.


Berdasarkan jadual 4.17 dan graf bar 4.9 menunjukkan taburan silang antara minat berdasarkan aspek tahap pendidikan. Daripada data yang diperolehi melalui edaran borang soal selidik kepada 200 orang responden, sebanyak 23 orang responden merupakan lepasan SPM ataupun bakal menduduki peperiksaan SPM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3 orang responden menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium kerana minat, manakala sebanyak 20 orang, iaitu majority daripada kumpulan ini menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium atas tujuan lain. Manakala daripada 200 orang responden, 37 orang responden penyelidik tahap pendidikan mereka adalah STPM. Daripada 37 orang, sebanyak 7 orang responden menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium kerana minat, namun majority iaitu sebanyak 30 orang responden menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium kerana tujuan lain dan bukan kerana minat. Untuk kumpulan Diploma pula, hanya 15 orang daripada 200 orang responden, daripada jumlah tersebut, hanya seorang sahaja menyatakan pergi ke muzium atas minat, manakala selebihnya menyatakan mereka tidak

berminat untuk pergi ke muzium, namun pergi ke muzium atas sebab dan tujuan yang lain. Responden yang mempunyai tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda merupakan responden yang terbanyak penyelidik, daripada 200 orang responden, 125 orang responden adalah kumpulan Ijazah Sarjana Muda. Sebanyak 17 orang responden menyatakan bahawa mereka mempunyai minat untuk pergi ke muzium. Manakala selebihnya 108 orang pula menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai minat untuk pergi ke muzium atau hanya pergi ke muzium atas alasan dan tujuan yang lain.

pekerjaan * minat Crosstabulation

	Minat		Jumlah	
	Ya	Tidak		
Pelajar	17	124	141	
Pekerjaan	Pekerja kerajaan	5	13	18
	Bekerja sendiri	3	13	16
	Pekerja swasta	3	22	25
	Jumlah	28	172	200

Jadual 4.18 menunjukkan taburan silang minat berdasarkan aspek jenis pekerjaan.



Graf Bar 4.10 menunjukkan taburan silang minat berdasarkan aspek demografi jenis pekerjaan

Berdasarkan jadual 4. 18 dan graf bar 4. 10, melalui data yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik kepada 200 orang responden, sebanyak 141 responden adalah golongan pelajar. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 orang menjawab mereka pergi ke muzium kerana minat, manakala sebanyak 124 orang pula responden menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium kerana tujuan lain. Manakala sebanyak 18 orang responden pula merupakan pekerja kerajaan, sebanyak 5 orang responden menyatakan mereka pergi ke muzium kerana minat, manakala sebanyak 13 orang responden pula menyatakan mereka pergi ke muzium atas tujuan yang lain. Di samping itu, sebanyak 16 orang responden lagi merupakan bekerja sendiri. Daripada 13 orang responden, hanya 3 orang sahaja pergi ke muzium kerana minat. Manakala 13 orang lagi menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai minat untuk pergi ke muzium, ataupun pergi ke muzium atas tujuan lain, sebagai contoh melancong, bersiar – siar, mengisi masa lapang dan lain – lain. Kumpulan yang terakhir adalah pekerja sendiri, iaitu sebanyak 25 orang responden.

Daripada jumlah ini, hanya 3 orang sahaja menyatakan mereka pergi ke muzium atas sebab minat, manakala sebanyak 22 orang pula menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium atas tujuan lain.

4.2.4 Pergi ke muzium kerana melancong

	Kekerapan	Peratusan %
Ya	67	33.5
Tidak	133	66.5
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.19 menunjukkan kekerapan dan peratusan responden yang pergi ke muzium untuk melancong.



Carta Pie 4.7 menunjukkan peratusan responden yang pergi ke muzium untuk melancong.


Berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi melalui pengedaran borang selidik kepada 200 orang responden yang terdiri daripada pelbagai kaum, jantina, peringkat umur, tahap pendidikan dan jenis pekerjaan, sebanyak 67 orang responden atau 33.50% menyatakan bahawa salah satu tujuan mereka pergi ke muzium adalah untuk pergi melancong, manakala sebanyak 133 orang atau 66.5% pula pergi ke muzium bukan untuk pergi melancong.

Melalui data yang diperolehi ini, dapat dilihat bahawa, responden secara majority menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium bukan untuk pergi melancong, tetapi atas tujuan lain.

Jantina * melancong Crosstabulation

	Melancong		Jumlah
	Ya	Tidak	
lelaki	23	34	57
perempuan	44	99	143
Jumlah	67	133	200

Jadual 4.20 menunjukkan taburan silang melancong berdasarkan aspek demografi jantina.




Graf Bar 4.11 menunjukkan taburan silang melancong berdasarkan aspek

Berdasarkan jadual dan graf bar di atas, data yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik, sebanyak 57 orang responden adalah lelaki, manakala yang selebihnya adalah perempuan, iaitu majority responden yang menjawab borang soal selidik adalah perempuan iaitu sebanyak 143 orang responden. Melalui data taburan silang minat berdasarkan demografi jantina, sebanyak 23 orang responden lelaki menjawab bahawa mereka pergi ke muzium salah satu sebab adalah kerana pergi melancong. Manakala sebanyak 34 orang responden lelaki pula menyatakan yang sebaliknya, iaitu pergi ke muzium atas alasan dan sebab yang lain. Manakala untuk responden perempuan, sebanyak 44 orang responden menyatakan bahawa mereka pernah pergi ke muzium dengan tujuan melancong, manakala sebanyak 99 orang responden menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium dengan tujuan yang lain.

Umur * Melancong Crosstabulation

	Melancong		Jumlah
	Ya	Tidak	
Umur	20 Dan Kebawah	0	5
	21 – 30	49	159
	31 – 40	6	23
	41 – 50	4	5
	51 – 60	8	8
	Jumlah	67	200

Jadual 4.21 menunjukkan taburan silang melancong berdasarkan aspek demografi umur.



Graf Bar 4.12 menunjukkan taburan silang melancong berdasarkan aspek demografi umur

Berdasarkan data dan maklumat stastitikal yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik kepada 200 orang responden, sebanyak 110 orang responden daripada 200 orang responden yang berusia 21 – 30 tahun pergi ke muzium atas sebab – sebab melancong, manakala 49 orang lain pula menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium dengan tujuan lain. Manakala untuk golongan 20 tahun ke bawah, sebanyak 5 orang menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium dengan tujuan melancong. Ini mungkin disebabkan bahawa mereka masih dalam jagaan keluarga dan mengikut keluarga pergi melancong. Manakala golongan umur 31 – 40 tahun, sebanyak 17 orang menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium dengan tujuan melancong, ini mungkin disebabkan bahawa mereka telah mempunyai kerjaya tersendiri dan mempunyai pendapatan sendiri, maka sekiranya mendapat peluang bercuti, maka mereka akan mengambil peluang tersebut dan sudah semestinya pergi ke muzium merupakan salah satu daripada senarai aktiviti melancong mereka. Manakala sebanyak 6 orang pula menyatakan bahawa mereka

pergi ke muzium dengan tujuan lain. Manakala sebanyak 4 orang responden daripada golongan umur 41 – 50 tahun menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium dengan tujuan lain selain daripada melancong, manakala hanya seorang sahaja menyatakan bahawa beliau pernah pergi ke muzium dengan tujuan lain. Manakala sebanyak 8 orang responden daripada golongan umur 51 – 60 tahun menyatakan bahawa mereka pergi ke muzium bukan tujuan untuk melancong. Ini mungkin disebabkan bahawa mereka sudah tua dan pergi ke muzium ketika masih muda.


Objektif pertama:

4.4 Mengkaji keberkesanan informasi maklumat dan juga komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium.

**adakah sistem komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium
berkesan**

	Kekerapan	Peratus
tidak setuju	9	4.5
neutral	87	43.5
setuju	95	47.5
sangat setuju	9	4.5
Total	200	100.0

4.22 Jadual menunjukkan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan aspek system komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium berkesan



Carta Pie 4. 8
menunjukkan peratusan
responden yang
menjawab borang soal
selidik berdasarkan
aspek system
komunikasi yang
digunakan oleh pihak
muzium berkesan

Berdasarkan jadual dan graf diatas, melalui maklumat yang diperolehi berdasarkan pengedaran borang soal selidik kepada 200 orang responden, sebanyak 95 orang responden (47.5%) menyatakan bahawa mereka setuju dengan pernyataan bahawa system komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium adalah berkesan. Manakala sebanyak 87 orang responden daripada 200 orang responden (43.5%) orang responden menyatakan mereka berpendapat neutral bahawa system komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium adalah berkesan. Manakala sebanyak 9 orang responden (4.5%) pula menyatakan bahawa sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa system komunikasi yang digunakan oleh phak muzium adalah berkesan. Manakala sebanyak 9 orang responden lagi iaitu sebanyak 4.5% responden menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan pernyataan system komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium adalah berkesan.

Adakah huraian yang terdapat di artifak tersebut mudah untuk difahami.

	Kekerapan	Peratusan (%)
sangat tidak setuju	1	.5
tidak setuju	33	16.5
neutral	47	23.5
setuju	102	51.0
sangat setuju	17	8.5
Total	200	100.0

4.23 Jadual menunjukkan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan aspek huraian yang terdapat di artifak mudah untuk difahami.



Graf Pie 4.9 menunjukkan peratusan responden berdasarkan aspek huraian yang terdapat di artifak mudah untuk difahami.


Berdasarkan jadual dan graf pie diatas, melalui data yang diperolehi berdasarkan pengedaran borang soal selidik kepada 200 orang responden yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, sebanyak 102 orang responden (51%) daripada 200 orang responden menyatakan bahawa mereka setuju dengan aspek huraian yang terdapat di artifak mudah untuk difahami. Manakala sebanyak 47 orang responden daripada 200 orang responden (23.5%) menyatakan bahawa mereka neutral dalam aspek huraian di artifak mudah untuk difahami. Manakala sebanyak 33 orang responden pula menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan aspek hurian yang terdapat di artifak mudah untuk difahami. Ini mungkin disebabkan terdapat beberapa artifak tidak mempunyai hurian ataupun huraian tersebut tidak dijelaskan dengan lebih jelas. Manakala sebanyak 17 orang responden pula menyatakan bahawa mereka sangat setuju dengan aspek pernyataan huraian yang terdapat di artifak mudah untuk difahami. Manakala hanya seorang

pengunjung menyatakan bahawa beliau sangat tidak setuju dengan aspek hurian yang terdapat di artifak mudah untuk difahami.

Adakah dengan pernyataan nama artifak anda mudah untuk memahami maklumat yang ingin di sampaikan?

	Kekerapan	Peratus
sangat tidak setuju	1	.5
tidak setuju	32	16.0
neutral	58	29.0
setuju	90	45.0
sangat setuju	19	9.5
Total	200	100.0

4.24 Jadual menunjukkan kekerapan dan peratus responden berdasarkan aspek pernyataan nama artifak mudah untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan?



Graf Bar 4.13
menunjukkan
kekerapan dan peratus
responden berdasarkan
aspek pernyataan
nama artifak mudah
untuk memahami
maklumat yang ingin

Jadual dan Bar menunjukkan data statistik yang diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Melalui data yang diperolehi, hanya seorang sahaja responden menyatakan bahawa beliau sangat tidak setuju dengan pernyataan bahawa pernyataan nama artifak mudah untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan. Ini mungkin disebabkan bahawa, beliau tidak mendapat maklumat yang seadanya ataupun beliau tidak memahami pernyataan nama artifak tersebut. Disamping itu, terdapat 32 orang responden daripada 200 orang responden (16%) menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan pernyataan bahawa pernyataan nama artifak mudah untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan. Ini mungkin disebabkan bahawa, nama artifak dengan fungsinya adalah berbeza. Situasi ini akan menjadi permasalahan kepada pengunjung – pengunjung yang pertama kali berkunjung ke muzium ini disebabkan mereka mungkin tidak didedahkan dengan nama – nama artifak

dan fungsi – fungsi artifak tersebut. Manakala sebanyak 58 orang daripada 200 orang responden menyatakan bahawa mereka neutral dalam pernyataan nama artifak mudah untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan. Selain itu, sebanyak 90 orang responden (45%) menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan pernyataan nama artifak mudah untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan. Sebanyak 19 orang responden pula menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dengan pernyataan nama arifak mudah untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan.


Objektif 2:

4.5 Mengkaji bentuk – bentuk komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium.

**adakah dengan menggunakan media cetak maklumat yang
ingin disampaikan mudah difahami oleh anda**

	Kekerapan	Peratusan (%)
tidak setuju	25	12.5
neutral	58	29.0
setuju	97	48.5
sangat setuju	20	10.0
Total	200	100.0

Jadual 4.25 menunjukkan kekerapan dan peratusan jawapan responden terhadap persoalan berkaitan dengan media cetak maklumat mudah difahami.



Graf Bar 4.14 menunjukkan kekerapan dan jawapan responden terhadap persoalan berkaitan dengan media cetak maklumat mudah difahami.


Berdasarkan jadual 4.25 dan graf bar 4.14, menunjukkan data yang diperolehi melalui pengumpulan data daripada pengedaran borang soal selidik kepada 200 orang responden, sebanyak 25 orang responden ataupun 12.5% daripada 200 orang responden menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan menggunakan media cetak, maklumat mudah difahami. Manakala sebanyak 29% (58 orang responden) daripada 200 orang responden menyatakan bahawa mereka bersikap neutral terhadap aspek dengan menggunakan media cetak, maklumat lebih mudah difahami. Manakala sebanyak 97 orang responden iaitu sebanyak 48.5% responden menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan menggunakan media cetak, maklumat lebih mudah untuk difahami. Manakala sebanyak 20 orang responden ataupun sebanyak 10% daripada 200 orang responden menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dengan menggunakan media cetak maklumat lebih mudah difahami. Secara keseluruhannya, responden menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan menggunakan media cetak, maklumat lebih mudah difahami. Media cetak adalah

seperti majalah, surat khabar, buku ilmiah dan lain – lain. Dengan menggunakan secara penulisan, informasi maklumat adalah lebih mudah difahami. Walau bagaimanapun, terdapat responden yang tidak bersetuju dengan menggunakan media cetak, maklumat dan informasi lebih mudah difahami. Ini mungkin disebabkan media cetak seperti buku ilmiah adalah agak sukar untuk dijumpai selain daripada diluar kemampuan untuk membeli buku ilmiah yang bersesuaian disamping harga yang agak mahal jika dibandingkan dengan bahan – bahan yang lain.

**adakah dengan menggunakan media elektronik maklumat mudah
diperolehi**

	Kekerapan	Peratusan
tidak setuju	29	14.5
neutral	38	19.0
setuju	107	53.5
sangat setuju	26	13.0
Total	200	100.0

Jadual 4.26 Menunjukkan kekerapan dan peratusan jawapan responden terhadap aspek dengan menggunakan media elektronik, maklumat mudah diperolehi.



Graf Bar 4.15 menunjukkan kekerapan dan peratusan jawapan responden terhadap aspek dengan menggunakan media eletronik, maklumat mudah diperolehi.


Berdasarkan jadual 4.26 dan graf bar 4.15, maklumat stastitikal dan data yang diperolehi adalah berdasarkan jawapan daripada pengedaran borang soal selidik kepada 200 orang responden. Melalui maklumat yang diperolehi, sebanyak 29 orang responden daripada 200 orang responden menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju sekiranya dengan menggunakan media eletronik, maklumat dan informasi yang disampaikan adalah lebih mudah untuk difahami. Manakala responden yang bersikap neutral terhadap penggunaan media eletronik adalah mudah untuk memahami maklumat dan infromasi yang ingin disampaikan adalah sebanyak 38 orang responden. Manakala, sebanyak 107 orang responden pula bersetuju dengan menggunakan media eletronik maklumat dan informasi yang ingin disampaikan adalah lebih mudah untuk difahami. Ini mungkin disebabkan masyarakat kini merasakan lebih mudah untuk mendapatkan maklumat dengan

menggunakan media eletronik. Media eletronik adalah seperti radio, surat khabar *online* dan lain – lain. Manakala sebanyak 26 orang responden pula menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dengan menggunakan media eletronik, maklumat adalah lebih mudah untuk difahami. Ini mungkin disebabkan zaman sekarang merupakan zaman teknologi yang semakin meledak berkembang di seluruh Negara. Perkembangan teknologi ini membawa kepada penyebaran maklumat yang lebih meluas lagi.

adakah anda berpuas hati dengan penerangan yang diberikan oleh pihak kurator

	Kekerapan	Peratusan
Sangat tidak setuju	5	2.5
Tidak setuju	39	19.5
Neutral	42	21.0
Setuju	96	48.0
Sangat setuju	18	9.0
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.27 Menunjukkan kekerapan dan jumlah responden yang menjawab persoalan berkaitan dengan penerangan yang diberikan oleh pihak curator muzium.



Carta pie 4.10 menunjukkan kekerapan dan jumlah responden yang menjawab persoalan berkaitan dengan penerangan yang diberikan oleh pihak curator muzium.

Berdasarkan jadual dan carta pie diatas, menunjukkan data dan maklumat statistical yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik kepada 200 orang responden yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat di sekitar UNIMAS dan yang datang berkunjung ke Muzium Seni Sarawak. Berdasarkan maklumat yang diperolehi melalui soalan – soalan yang terdapat dalam borang soal selidik yang telah diisi oleh 200 orang responden, terdapat 2.5% daripada 200 orang responden iaitu sebanyak 5 orang responden sangat tidak bersetuju dengan penerangan yang diberikan oleh pihak curator muzium. Manakala sebanyak 19.5 % ataupun sebanyak 39 orang responden menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan penerangan yang diberikan oleh pihak curator muzium. Selain itu, 21% responden pula menyatakan bahawa mereka bersikap neutral terhadap penerangan yang diberikan oleh pihak curator muzium. Manakala sebanyak 48% iaitu jumlah yang terbanyak, sebanyak 96 orang responden daripada 200 orang responden menyatakan bahawa mereka bersetuju dengan penerangan yang diberikan oleh pihak curator muzium. Manakala sebanyak 18 orang responden iaitu sebanyak 9% menyatakan

bahawa mereka sangat bersetuju dengan penerangan yang diberikan oleh pihak curator muzium.


Objektif 3:

4.5 Mengkaji keberkesanan informasi maklumat dan komunikasi yang digunakan oleh pihak pengurusan muzium.

adakah anda mendapatkan maklumat yang jelas selepas berkunjung ke muzium

	Kekerapan	Peratusan
Sangat tidak setuju	3	1.5
Tidak setuju	34	17.0
Neutral	61	30.5
Setuju	81	40.5
Sangat setuju	21	10.5
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.28 Menunjukkan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan soalan “adakah anda mendapatkan maklumat yang jelas selepas berkunjung ke muzium”?




Graf Bar 4.16
menunjukkan
kekerapan responden
berdasarkan soalan
“adakah anda
mendapatkan
maklumat yang jelas
selepas berkunjung
ke muzium”?

Berdasarkan jadual 4.28 dan graf bar 4.5.1, menunjukkan kekerapan dan peratusan responden yang diperolehi melalui pengumpulan data daripada pengedaran borang soal selidik penyelidik yang menjawab soalan soalan “adakah anda mendapatkan maklumat yang jelas selepas berkunjung ke muzium”? Sebanyak 3 orang responden menyatakan bahawa tidak setuju dengan penyampaian maklumat yang jelas selepas berkunjung ke muzium. Manakala sebanyak 34 orang daripada 200 orang responden pula menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju bahawa mereka mendapat maklumat yang jelas selepas berkunjung ke muzium. Sebanyak 61 orang responden pula menyatakan mereka adalah neutral dalam situasi ini, iaitu tidak juga tidak bersetuju dan bersetuju dengan situasi ini. Manakala sebanyak 81 orang responden pula bersetuju dengan penyampaian maklumat yang jelas selepas berkunjung ke muzium. Manakala sebanyak 21 orang responden pula sangat bersetuju dengan penyampaian maklumat yang diberikan selepas berkunjung ke muzium.

adakah paparan maklumat yang disediakan mudah difahami

	Kekerapan	Peratusan(%)
sangat tidak setuju	1	0.5
tidak setuju	23	11.5
neutral	47	23.5
setuju	114	57.0
sangat setuju	15	7.5
Total	200	100.0

Jadual 4.29 Menunjukkan peratusan dan kekerapan responden yang menjawab aspek paparan maklumat yang disediakan mudah difahami.



Graf Bar 4.17 menunjukkan kekerapan responden yang menjawab aspek paparan maklumat yang disediakan mudah difahami.


Berdasarkan data statistik dan maklumat yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik, maklumat yang diperolehi adalah seperti di dalam jadual 4.29 dan graf bar 4.17. Berdasarkan graf bar 4.17, hanya seorang responden menyatakan bahawa huraian maklumat yang disediakan oleh pihak muzium sukar untuk difahami, manakala sebanyak 23 orang daripada 200 orang responden pula menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan paparan maklumat yang disediakan oleh pihak muzium mudah difahami. Disamping itu, sebanyak 47 orang responden pula menyatakan bahawa mereka bersikap neutral terhadap aspek paparan maklumat yang disediakan oleh pihak muzium adalah mudah difahami. Secara majoritinya, iaitu sebanyak 114 orang daripada 200 orang responden ataupun sebanyak 57.0% adalah bersetuju dengan paparan maklumat yang disediakan oleh pihak muzium mudah difahami. Manakala sebanyak 15 orang responden

pula menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dengan paparan maklumat yang disediakan oleh pihak muzium mudah difahami oleh mereka.

adakah perolehan maklumat memenuhi tahap kepuasan anda

	Kekerapan	Peratus %
Tidak setuju	17	8.5
Neutral	89	44.5
Setuju	85	42.5
Sangat Setuju	9	4.5
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.30 menunjukkan kekerapan dan peratus (%) responden yang menjawab soalan adakah perolehan maklumat memenuhi kepuasan pengunjung selepas berkunjung ke muzium.




Graf Bar 4.18
menunjukkan
kekerapan responden
yang aspek perolehan
maklumat memenuhi
kepuasan pengunjung
yang datang
berkunjung ke muzium

Berdasarkan data dan maklumat yang diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik kepada 200 orang responden yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. Daripada 200 orang responden sebanyak 17 orang (8.5%) menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan pernyataan mereka memperoleh maklumat yang memenuhi tahap kepuasan mereka. Manakala sebanyak 89 orang daripada 200 orang responden (44.5%) bersikap neutral terhadap perolehan maklumat memenuhi tahap kepuasan mereka. Manakala sebanyak 85 orang daripada 200 orang responden (42.5%) bersetuju bahawa maklumat yang mereka perolehi memenuhi tahap kepuasan mereka. Manakala sebanyak 9 orang responden (4.5%) pula menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dengan perolehan maklumat memenuhi tahap kepuasan mereka.

pameran yang dipamerkan memberikan pengetahuan baru kepada anda

	Kekerapan	Peratusan
tidak setuju	10	5.0
neutral	62	31.0
setuju	105	52.5
sangat setuju	23	11.5
Jumlah	200	100.0

Jadual 4.31 menunjukkan kekerapan dan peratusan responden berdasarkan aspek pameran yang dipamerkan memberikan pengetahuan baru kepada anda



Berdasarkan jadual dan graf bar diatas, data dan maklumat yang diperolehi menunjukkan peratusan dan kekerapan responden berdasarkan aspek pameran yang dipamerkan memberikan pengetahuan baru kepada mereka. Melalui data yang diperolehi daripada 200 orang responden yang terdiri daripada lapisan masyarakat, sebanyak 10 orang responden (5.0%) menyatakan pendapat bahawa mereka tidak setuju dengan aspek pameran yang dipamerkan memberikan pengetahuan baru kepada mereka. Manakala sebanyak 62 orang responden (31.0%) menyatakan bahawa mereka bersifat neutral dalam aspek pameran yang dipamerkan memberikan pengetahuan baru kepada mereka. Sebanyak 105 orang responden (52.5%) daripada 200 orang responden menyatakan bahawa mereka bersetuju pameran yang dipamerkan memberikan pengetahuan yang baru kepada mereka. Manakala

sebanyak 23 orang responden (11.5%) daripada 200 responden menyatakan mereka sangat bersetuju bahawa pameran yang diadakan memberikan pengetahuan baru kepada mereka.

4.4 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, penyelidik mendapati bahawa informasi maklumat mempunyai banyak peranan dan fungsi dalam bidang komunikasi muzium Sarawak. Penyelidik juga mendapati bahawa kebanyakan responden pernah pergi ke muzium walaupun pendapat mereka berbeza berkenaan dengan fungsi dan pendapat tentang fungsi muzium. Namun begitu, penyelidik menyimpulkan bahawa responden memahami tentang fungsi muzium walaupun terdapat beberapa responden tidak pernah pergi ke muzium.

Disamping itu, pengkaji mendapati bahawa informasi maklumat juga sangat penting dalam pendidikan secara tidak formal melalui pendidikan tidak formal muzium yang merupakan salah satu institute pendidikan tidak formal. Malahan dengan data yang diperolehi juga informasi maklumat mampu menyampaikan maklumat yang berguna sekiranya cara penyampaian dan medium yang digunakan adalah tepat dan betul.

Disamping itu juga, pengkaji mendapati bahawa objektif kajian pengkaji telah dijawab dengan kaedah pengedaran borang soal selidik yang telah diedarkan oleh pengkaji kepada 200 orang responden.

Malahan persoalan kajian juga telah terjawab dengan dapatan kajian yang diperolehi melalui kaedah kuantitatif iaitu kaedah pengedaran borang soal selidik.

Dalam bab seterusnya, pengkaji akan membincangkan dengan lebih dalam lagi berkenaan dengan cadangan dan rumusan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

BAB 5: PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan dengan lebih lagi rumusan kepada penyelidikan pengkaji. Pengkaji juga akan membincangkan sama ada objektif dan persoalan kajian pengkaji telah dijawab.

Selain itu juga, dalam bab ini pengkaji akan membincangkan tentang rumusan dan cadangan kepada pihak muzium dan juga menyelidikkan yang akan datang berkaitan dengan informasi maklumat dalam bidang komunikasi di muzium.

Secara kesimpulannya, bab ini akan membincangkan dengan lebih lanjut lagi berkenaan dengan objektif kajian, persoalan kajian dan juga cadangan kepada penyelidikan yang akan datang.

5.1 Persoalan kajian yang dijawab.

Dalam bab 1 iaitu bab pengenalan, pengkaji telah menerangkan beberapa persoalan dalam kajian ini. dalam bab ini, pengkaji akan memfokuskan persoalan yang pertama iaitu, apakah bentuk – bentuk komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium.? Melalui dapatan kajian yang diperolehi, rata – rata responden menyatakan bahawa mereka lebih menggemari atau lebih selesa dengan menggunakan media cetak daripada media eletronik sebagai bentuk komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium. ini mungkin disebabkan bahawa media cetak maklumat adalah lebih banyak dan juga lebih padat jika dibandingkan dengan media eletronik.

Menurut laman sesawang, blog serpihan hidup (2016) media cetak merupakan media massa yang berbentuk cetakan yang dinikmati atau yang digunakan secara pembacaan, bentuk media cetak adalah stastik dan masa yang diperlukan untuk menerbit sesuatu media cetak mengambil masa paling cepat adalah sehari dimana penulisannya adalah lebi mendalam dan lebih lengkap.

Berdasarkan pernyataan yang dikeluarkan oleh blog serpihan hidup (2016), dapat disimpulkan media cetak adalah lebih meluas dan mendalam lagi dalam memberikan maklumat ataupun informasi kepada masyarakat luar. Ini disebabkan media cetak penulisannya mengambil masa untuk mendapatkan maklumat dan data yang dapat menyokong media cetak tersebut.

Malahan menurut kamus dewan edisi keempat, media cetak terdiri daripada majalah, buku, buku ilmiah dan yang lain – lain terbitan yang merupakan saluran komunikasi yang berupa cetakan ataupun terbitan.

Melalui data yang diperolehi, sebanyak 97 orang daripada 200 orang responden setuju dengan menggunakan media cetak mereka lebih memahami maklumat yang ingin disampaikan dan sebanyak 20 orang responden sangat bersetuju dengan pernyataan ini.

Manakala media eletronik pula menurut kamus dewan edisi keempat, media eletronik pula bermaksud alat atau saluran komunikasi yang menggunakan alat – alat eletronik moden seperti laman social, blog, television dan sebagainya yang menjadikan peralatan eletronik sebagai bahan utama.

Melalui data yang diperolehi daripada pengedaran borang soal selidik, sebanyak 107 orang responden bersetuju bahawa dengan menggunakan media eletronik, maklumat dan informasi mudah difahami dan sebanyak 26 orang responden menyatakan bahawa mereka sangat bersetuju dengan pernyataan ini.

Ini mungkin disebabkan bahawa lendakan teknologi pada masa kini yang mempengaruhi penggunaan media eletronik sebagai satu sumber pencarian kepada masyarakat umum. Malahan dengan hanya menggunakan media eletronik, penggunaan masa dapat disingkatkan dan juga tidak membazir tenaga mahupun masa yang banyak.

Sebagai kesimpulannya, persoalan kajian pengkaji telah dijawab. Ini disebabkan bahawa responden menyatakan lebih menggemari menggunakan media eletronik sebagai sumber pencarian maklumat.

5.2 Objektif kajian yang telah dijawab.

Mengkaji keberkesanan informasi maklumat dan juga komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium.

Dalam bab 1, pengkaji telah menerangkan salah satu objektif kajian pengkaji iaitu Mengkaji keberkesanan informasi maklumat dan juga komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium. Melalui objektif kajian ini, pengkaji akan mengkaji berkenaan dengan system komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium.

Melalui data yang diperolehi, sebanyak 81 orang responden menyatakan bahawa mereka mendapat maklumat yang jelas selepas berkunjung ke muzium, manakala sebanyak 21 orang responden pula menyatakan sangat bersetuju.

Melalui data ini, dapat disimpulkan bahawa, komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium adalah berkesan. Ini disebabkan, majority responden menyatakan bahawa mereka mendapat maklumat yang jelas.

5.3 Cadangan

Dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan cadangan pengkaji kepada pihak muzium dan juga kepada penyelidikan yang akan datang.

5.3.1 Cadangan kepada pihak muzium

Cadangan pengkaji kepada pihak muzium adalah meletakkan atau menempatkan seorang curator yang berwibawa dan juga mempunyai maklumat yang mendalam bidang permuziuman. Ini disebabkan dengan adanya seorang curator yang berwibawa, maka maklumat yang ingin disampaikan akan lebih tepat dan sahih. Malahan dengan adanya curator ini, pengunjung muzium tidak tertanya – Tanya mahupun tidak pulang dengan tangan kosong tanpa mengetahui fungsi ataupun peranan sesuatu barangan tersebut.

5.3.2 Cadangan kepada penyelidikan yang akan datang.

Cadangan kepada penyelidikan yang akan datang adalah, untuk mengkaji halangan ataupun cabaran bidang komunikasi dalam menyampaikan maklumat kepada pengunjung muzium. Ini disebabkan, dengan lendakan teknologi yang berlaku pada masa kini sudah pasti komunikasi secara lisan menghadapi cabaran yang sukar dan mungkin tidak digunakan pada masa yang akan. Malahan dengan lendakan teknologi juga, pelbagai

cabaran yang akan dihadapi oleh pihak pengurusan muzium untuk mengekalkan kunjungan masyarakat luar untuk datang berkunjung ke muzium.

Cadangan yang seterusnya adalah untuk mengkaji peranan seorang curator dalam pengurusan muzium. Curator merupakan seorang yang penting dalam pengurusan sesebuah muzium. Sebagai seorang curator, seseorang curator mempunyai tanggungjawab yang sangat berat dan penting demi mengekalkan kunjungan masyarakat luar ke muzium. malahan curator juga merupakan penyampai maklumat yang utama dalam bidang komunikasi. Seseorang curator perlu mempunyai minat yang mendalam dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang permuziuman. Dengan menjalankan penyelidikan terhadap tugas seorang curator, sudah pasti masyarakat luar mendapat maklumat yang mendalam berkenaan dengan curator.

5.4 Rumusan.

Sebagai kesimpulan, melalui penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji, objektif dan persoalan pengkaji adalah telah dijawab dengan menggunakan method kuantitatif. Malahan pengkaji juga mendapat maklumat berkenaan dengan informasi maklumat dalam bidang komunikasi di muzium seni Sarawak. pengkaji berharap pihak muzium menerima cadangan pengkaji dan seterusnya pengkaji akan datang akan mengkaji berkenaan dengan cadangan pengkaji.

Rujukan

- A. Chelum (2014). Warisan masyarakat iban dari persektif pameran: kajian kes di muzium Etnologi Sarawak. Retrived from <http://ir.unimas.my/8056/> . UNIMAS.8056
- Bitgood, S. (1991). *Environment psychology in museums, 200s and other exhibitions* Bitgood, S. (2002). *Environmental psychology in museums, zoos, and other exhibition centers*. In Bechtel & A. Churchman (eds.), *The Environmental Psychology Handbook* (2nd ed). John Wiley & Sons.
- Bitgood, S. (2002). *Environmental psychology in museums, zoos, and other exhibition centers*. In Bechtel & A. Churchman (eds.), *The Environmental Psychology Handbook* (2nd ed). John Wiley & Sons.
- Boyland, J. P., (1994). *Museum 2000 politic, people, professionals and profit*. London, New York: Routledge.
- Enasel. O. I., (2013) The role of information in art museum communication process. Retrived from <Http://www.sciencediricet.com>
- Edson G. & Dean. D (1994). *Museum education the handbook for museum*. USA: Routledge.
- Fopp. A. M., (1997). *Museums communication in small – and medium sized*.
- Genoways. H. H., & Ireland. M. L., (2003). *Museum administration an introduction*. UK: Altamira

- Ghose. S. (1994). *People participation in science museums*. In Boylan . J. P., (Eds.), *Museum 2000 politic, people, professionals and profit*. (2003). New York: Routledge.
- Horne, D. (1994). "Reading" museum. In Boylan. J. P., (Eds.), *Museum 2000 politic, people, professionals and profit*. (2003). New York: Routledge.
- Jabatan Muzium Malaysia (16 November 2015) Retrived from <http://www.museum.sarawak.gov.my/index.php/ms/jabatan-muzium-sarawak/fungsi-tanggungjawab>
- Jabatan Muzium Sarawak. (16 Novermber 2015). Retrived from <http://www.museum.sarawak.gov.my/index.php/ms/jabatan-muzium-sarawak>
- Kim. B. (2008). *Information design workbook graphic approaches, solutions and inspiration and 30 case studies*. (ndA.): RockportPublisher Ins.
- Kamus Dewan (27 Mei 2016). Retrived from <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=media>.
- McQuail. D (1987) *mass communication theory: an introduction*, 2nd ed. London: Sage.
- Roman, S. L., (1994) *Politics and the role of museum in the rescue of identity* In. Boylan. J. P., (Eds.), *Museum 2000 politics, people, professionals and profit*. London, New York: Routledge.

Rogers. E. M., & Kindcaid. D. L., (1981) *Communcation network toward a paradigm for research*. New York: The Free Press.


Robert Hodge & Wilfred D' Souza (1993). *The museum as a communicator: a semiotic and analysis of the Western Australia Gallery, Perth in The Education Role of the museum*, ed. Eileen Hopper – Greenhill, New York, Routledge.

Serpihan Hidup. (27 Mei 2016). Fahrid09 Blogspot. Retrived from <http://fahri09.blogspot.my/2012/12/media-cetak-dan-media-elektronik.html>


Theodorson. S. A & Theodorson. G. R., (1969). *A modern Dictonary of sociology*. New York: Crowell.

Windahl. S., Signitzer. B, & Olson. T. J., (1992) *Using Communication Theory*. Newburry, California: Sage Publication Ltd.

Lampiran



(Pernyataan Nama Artifak, Muzium Etnologi Sarawak, 3 April 2016, Dokumentasi:
Pengkaji)



(Pernyataan Nama Artifak, Muzium Etnologi Sarawak, 3 April 2016. Dokumentasi:
Pengkaji)



(Antara Bahan Pameran, Muzium Etnologi, Sarawak, 3 April 2016, Dokumentasi: Pengkaji)



(Model Rumah Panjang Iban, Muzium Etnologi, Sarawak, 3 April 2016, Dokumentasi: Pengkaji)



(Model Rumah Panjang dan Pernyataan Nama Bahan Pameran, Muzium Etnologi, Sarawak, 3 April 2016, Dokumentasi: Pengkaji)



(Bahagian Hadapan Muzium Etnologi Sarawak, Muzium Etnologi Sarawak, 3 April 2016, Dokumentasi: Pengkaji)

Borang soal selidik penyelidik



BORANG SOAL SELIDIK

PERANAN INFORMASI MAKLUMAT DALAM BIDANG KOMUNIKASI

DI MUZIUM SENI KUCHING SARAWAK

Pengkaji merupakan Pelajar Tahun Akhir. Penyelidikan ini merupakan syarat graduan untuk pelajar program pengurusan seni. Penyelidikan ini dijalankan untuk mengkaji peranan informasi maklumat dalam bidang komunikasi di muzium seni Sarawak. Penyertaan daripada pihak responden adalah secara sukarelawan. Segala maklumat dan pernyataan yang terdapat dalam borang soal selidik ini adalah rahsia. Penyertaan daripada pihak responden adalah sangat dihargai. Maklumat yang diperolehi mampu membantu penyelidik untuk menyiapkan penyelidikan ini.

Bahagian A: Maklumat Demografi

Sila tandakan (/) pada ruangan yang disediakan

1. Jantina: Lelaki ☐
Perempuan ☐

2. Umur : 20 tahun ke bawah ☐ 41 - 50 ☐
21 – 30 ☐ 51 – 60 ☐
31 – 40 ☐ 61 dan keatas ☐

3. Bangsa

- ☐ Melayu
☐ Cina
☐ India
☐ Lain – lain (nyatakan): _____

4. Tahap pendidikan

- | | |
|----------------------------------|--|
| ☐ SPM | ☐ Ijazah Sarjana Muda |
| ☐ STPM | ☐ Master |
| ☐ Diploma | ☐ PhD |

5. Pekerjaan

- | | |
|---|--|
| ☐ Pelajar | ☐ Bekerja Sendiri |
| ☐ Pekerja Kerajaan | ☐ Pekerja Swasta |

Bahagian B

Sila tanda (/) pada ruangan yang disediakan

6. Adakah anda faham berkenaan dengan fungsi – fungsi sesebuah muzium?

☐ Ya

☐ Tidak

7. Menurut pendapat anda, muzium berfungsi sebagai...

☐ Pusat pameran

☐ Pusat pelancongan

☐ Pusat Pemuliharaan

☐ Pusat pendidikan

8. Adakah anda pernah pergi ke muzium? * *sekiranya jawapan anda tidak sila jawab*

soalan 9. Sekiranya ya, sila teruskan ke soalan 10.

☐ Ya

☐ Tidak

9. Sebab anda tidak pernah pergi ke muzium

☐ Tidak berminat

☐ Muzium jauh dari tempat tinggal

☐ Tidak mempunyai masa

☐ Lain – lain (nyatakan)_____

10. Sebab anda pergi ke muzium

☐ Lawatan sambil belajar

☐ Melancong

☐ Minat

☐ Kerja kursus

11. Berapa lamakah anda meluangkan masa anda di sesebuah muzium

☐ Kurang daripada 30 minit

☐ 1 jam

☐ 3 jam

12. Dari manakah anda mengetahui maklumat mengenai muzium seni Sarawak

☐ Laman Sosial

☐ Surat khabar

☐ Laman web rasmi muzium Sarawak

☐ Rakan sebaya

☐ Guru

☐ Lain – lain (nyatakan) _____

Bahagian C – Pandangan terhadap informasi (maklumat) dan komunikasi yang digunakan dalam muzium seni Sarawak.

Sila tandakan (/) dalam ruangan yang disediakan

1	2	3	4	5
Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Neutral	Setuju	Sangat setuju

Bil	Perkara	1	2	3	4	5
1	Adakah sistem komunikasi yang digunakan oleh pihak muzium berkesan					
2	Adakah paparan maklumat yang disediakan mudah difahami					
3	Adakah maklumat yang diterima sampai kepada anda					
4	Adakah curator muzium memberikan penerangan yang jelas terhadap artifak yang terdapat dalam muzium					
5	Adakah sistem komunikasi yang terdapat dalam muzium perlu dipertingkatkan					
6	Adakah ruangan pameran dalam muzium menarik perhatian anda					
7	Pameran yang dipamerkan memberikan pengetahuan baru kepada anda					
8	Adakah perolehan maklumat memenuhi tahap kepuasan anda					

9	Adakah penggunaan pencahayaan mampu menarik perhatian anda untuk datang berkunjung ke muzium					
10	Adakah dengan pernyataan nama artifak anda mudah untuk memahami maklumat yang ingin disampaikan					
11	Adakah dengan menggunakan media cetak maklumat yang ingin disampaikan mudah difahami oleh anda					
12	Adakah dengan menggunakan media elektronik, maklumat mudah diperolehi					
13	Adakah huraian yang terdapat di artifak tersebut mudah untuk difahami					
14	Adakah anda mendapatkan maklumat yang jelas selepas berkunjung ke muzium					
15	Adakah anda berpuas hati dengan penerangan yang diberikan oleh pihak kurator					